

## Sheik sedia jadi jurulatih sepenuh masa

Berita Harian, 15 January 2000, Page 25

Article also available on Microfilm Reel NL21892

Printer-Friendly Page

## Sheik sedia jadi jurulatih sepenuh masa SILAT

SHEIK Alauddin sedia menjadi jurulatih silat sepenuh masa.

Ini adalah kerana tugas sebagai jurulatih silat bukan sahaja memerlukan lebih banyak perhatian bahkan akan menjadi lebih mencabar pada masa depan sejajar dengan pencapaian negara dalam sukan ini.

Buat pertama kalinya dalam sejarah, Singapura berjaya mengutip tiga pingat emas dalam Sukan SEA Brunei Ogos lalu.

Bagaimanapun, Sheik, yang menjadi jurulatih sambil skuad Sukan SEA Brunei bersama Jasni Salam dan Mohamed Noor Hashim tahun lalu, menyerahkan kepada Persekutuan Silat Singapura (Persisi) untuk membuat tawaran.

"Tetapi kalau boleh, saya sedia berhenti kerja untuk menjadi jurulatih sepenuh ma-

kerja sedangkan perancangan dan latihan pasukan negara memerlukan penumpuan sepenuhnya," Sheik menambah.

Beliau kemudian menarik perhatian mengenai dua pilihan jika ada tawaran daripada Persisi.

"Pertama, saya boleh memohon kepada majikan saya agar khidmat saya dipinjamkan kepada Majlis Sukan Singapura (SSC) yang kemudiannya meletakkan saya berkhidmat dengan Persisi.

"Ini bermakna jika khidmat saya tidak lagi diperlukan maka saya akan kembali kepada majikan lama saya. Atau pun, saya berhenti kerja," ujar Sheik.

Sheik menegaskan bahawa sekalipun ada tawaran daripada Persisi, beliau juga terpaksa meneliti soal tempoh kontrak dan gaji.

Setiausaha Persisi, Aeji Karmak, enggan mengulas. Bagaimanapun, beliau berkata: "Kami akan mengadakan mesyuarat Ahad ini."

OLEH YUSOFF A. RAHMAN

sa kerana saya ingin memberikan sepenuh tumpuan kepada tugas tersebut," kata Sheik, yang bertugas sebagai Penyaras Latihan Jasmani Kelab HDB.

"Tugas sebagai jurulatih sambil banyak kekurangannya. Selain masa yang begitu terbatas, kita juga tidak boleh memberikan perhatian sepenuhnya. Kami hanya boleh menjalankan tugas selepas



Sheik Serahkan kepada Persisi buat keputusan.